

**POLA ASUHAN DALAM PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK TADIKA
BANDAR PALEMBANG INDONESIA**

NOFITA ANGGRAINI BINTI SOEPARNO

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PSIKOLOGI PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan pola asuhan ibu bapa dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak berlandaskan teori Halliday (1984). Teori ini menekankan pemerolehan bahasa kanak-kanak berdasarkan tujuh fungsi bahasa. Ketujuh-tujuh fungsi bahasa ini dijadikan konstruk pemboleh ubah bersandar kajian iaitu fungsi Imaginasi, Informasi, Heuristik, Personal, Interaksi, Peraturan, Instrumental. Manakala pola asuh demokratik, authoritarian, permisif dijadikan pemboleh ubah tidak bersandar kajian. Kaedah kuantitatif melalui tinjauan digunakan dengan mengemukakan boring soal selidik dan pemerhatian ke atas 20 bapa 25 ibu. Lokasi kajian dijalankan di Tadika Chandra Jaya di Bandar Palembang Indonesia. Data dikumpul melalui boring soal selidik terdiri dari tiga bahagian iaitu demografi ibu bapa, item pola asuh, item pemerolehan bahasa. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS Version 20. Analisis statistik deskriptif frekuensi, peratusan digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Manakala analisis inferensi digunakan untuk menjawab hipotesis yang melihat perhubungan antara pemboleh ubah kajian. Kebolehpercayaan data melalui ujian *Normality* memenuhi kehendak kajian. Dapatan kajian menunjukkan pola asuh demokratik dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak dalam fungsi Imaginasi $r=0.82^{**}$, Informasi $r=0.75^{**}$, Heuristik $r=0.85^{**}$, Personal $r=0.88^{**}$, Interaksi $r=0.83^{**}$, Peraturan $r=0.89^{**}$, Instrumental $r=0.93^{**}$. Ini menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara jenis pola asuh dengan semua konstruk fungsi bahasa. Pola asuh demokratik sangat membantu pemerolehan bahasa kanak-kanak yang dikaji berbanding dengan jenis pola asuh authoritarian dan permisif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pola asuh demokratik ini boleh dijadikan model atau panduan bagi ibu bapa dan para pendidik dalam mendidik kanak-kanak masa kini.



PARENTING PATTERN IN LANGUAGE ACQUISITION AMONG KINDERGAETEN CHILDREN IN PALEMBANG, INDONESIA

ABSTRACT

This study aims to examine the relationship between parenting and children's language acquisition theory based on Halliday's theory (1984). This theory emphasizes language acquisition based on seven language functions. The seven functions of language constructs are the dependent variables of the study. They are Imagination, Information, Heuristic, Personal, Interaction, Regulation and Instrumental. Parenting pattern democratic, authoritarian, permissive are Independent variables of the study. The study adopts quantitative method that is the survey questionnaires and observations on a sample of 20 father and 25 mother. The location of the study is at Chandra Jaya Kindergarten in Palembang city, Indonesia. Data collected through the questionnaire consists of three parts, namely parent's demography, parenting item, items on language acquisition. Data were analyzed using SPSS Version 20. A descriptive statistical analysis of the frequency, the percentage was used to answer the research questions. Inference analysis was used to answer hypotheses that examine the relationship between variables. Data reliability through Normality test fulfilled the requirements of the study. The findings indicated democratic parenting pattern with children language acquisition in Imagination $r=0.82^{**}$, Information $r=0.75^{**}$, Heuristic $r=0.85^{**}$, Personal $r=0.88^{**}$, Interaction $r=0.83^{**}$, Rule $r=0.89^{**}$, Instrumental $r=0.93^{**}$. The research findings indicates that there is significant relation between type of parenting and all language function variables. Democratic parenting pattern is so helpful to children's language acquisition compared to authoritarian and permissive parenting patterns. The findings show that democratic parenting pattern can be a model and serves as a guide to parents and educators in bringing up children of today.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Penyataan Masalah	16
1.4 Tujuan Kajian	18
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Hipotesis Kajian	19
1.7 Kerangka Teori Yang Mendasari Kajian	21
1.8 Kepentingan Kajian	29
1.9 Batasan Kajian	30
1.10 Ruang Lingkup Kajian	31
1.11 Definisi Operasional	33
1.11.1 Pola Asuhan	33
1.11.2 Pola Asuhan autoritarian	33
1.11.3 Pola Asuhan demokratikal	33
1.11.4 Pola Asuhan permisif	34
1.11.5 Pemerolehan bahasa Kanak-Kanak	34
1.11.6 Fungsi Bahasa Imaginasi	34
1.11.7 Fungsi Bahasa Maklumat	35
1.11.8 Fungsi Bahasa Heuristik	35
1.11.9 Fungsi Bahasa Personal	35
1.11.10 Fungsi Bahasa Interaksional	35

1.11.11	Fungsi Bahasa Peraturan	36
1.11.12	Fungsi Bahasa Instrumental	36
1.11.13	Tadika	36
1.11.14	Ibu Bapa	36
1.12	Rumusan	37

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	38
2.2	Teori Penentuan Masalah	41
2.2.1	Pola Asuhan	41
2.2.2	Pengertian Pola Asuhan	44
2.2.3	Jenis Pola Asuhan	46
2.2.4	Faktor Mempengaruhi Pola Asuhan	53
2.2.5	Kesan Pola Asuhan Terhadap Kanak-Kanak	58
2.2.5.1	Kesan Pola Asuhan Demokeratikal Pada Kanak- Kanak	59
2.2.5.2	Kesan Pola Asuhan Autoritarian Pada Kanak-Kanak	60
2.2.5.3	Kesan Pola Asuhan Permisif Pada Kanak-Kanak	60
2.2.6	Pola Asuhan Yang Efektif	61
2.3	Pendidikan Tadika Di Indonesia	63
2.3.1	Tujuan Penyelenggaraan Pendidikan Tadika Di Indonesia	65
2.3.2	Manfaat Pendidikan Indonesia	66
2.3.3	Syarat Mengikuti Pendidikan Tadika Di Indonesia	69
2.3.4	Sejarah Tadika Chandra Jaya Bandar Palembang	71
2.4	Teori Bahasa	74
2.4.1	Sejarah Asal Usul Bahasa	78
2.4.2	Sejarah Perkembangan Bahasa	81
2.4.3	Hakikat Bahasa Dan Kedudukan Bahasa Indonesia	86
2.4.4	Hakikat Dan Fungsi Bahasa Kanak-Kanak	89
2.4.4.1	Fungsi Bahasa Bagi Kanak-Kanak	90
2.4.4.2	Tahap Perkembangan Kanak-Kanak Berbicara	93
2.4.4.3	Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak Tiga Tahun	96
2.4.4.4	Pola Kanak-Kanak Belajar Bahasa	100
2.5	Sejarah Pemerolehan Bahasa	101
2.5.1	Definisi Pemerolehan Bahasa	105
2.5.2	Perkembangan Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak	109
2.5.3	Strategi Pemerolehan Bahasa	110
2.5.4	Urutan Pemerolehan Bahasa	115
2.6	Ragam Pemerolehan Bahasa	121
2.6.1	Urutan Perkembangan Pemerolehan Bahasa	123
2.6.2	Teori Fungsi Bahasa	125
2.7	Kajian Rintis Pemerolehan Bahasa Dan Pola Asuhan	128
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	135
2.9	Rumusan	136

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	137
3.2	Rekabentuk Kajian	140
3.3	Populasi Dan Persampelan	146
3.3.1	Populasi	146
3.3.2	Sampel	147
3.4	Lokasi Kajian	149
3.5	Prosedur Kajian Kajian	149
3.5.1	Prosedur Teknikal	150
3.5.2	Prosedur Lapangan	150
3.6	Instrumen Dan Skala Pengukuran	153
3.6.1	Instrumen	153
3.6.2	Skala Ukuran	154
3.6.2.1	Skala Pola Asuhan	155
3.6.2.2	Skala Pemerolehan Bahasa	159
3.6.2.3	Langkah Penyusunan Skala Pemerolehan Bahasa	162
3.6.2.4	Pembaikan Peralatan Instrumen	167
3.7	Teknik Pengumpulan Data	168
3.7.1	Pengisian Borang Pola Asuhan Ibu Bapa	168
3.7.2	Pengisian Borang Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak	169
3.7.3	Pemerhatian Dan Pencatatan Pertuturan Kanak-Kanak	170
3.8	Kajian Rintis	172
3.8.1	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	172
3.8.2	Uji Reliabiliti	172
3.8.3	Uji Validiti	174
3.9	Analisis Data	175
3.9.1	Analisis Data Statistik Deskriptif	175
3.9.2	Analisis Statistik Inferensi	176
3.9.3	Analisis Padan	177
3.10	Rumusan	178

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	180
4.2	Responden Demografik	181
4.2.1	Demografi Ibu Bapa	181
4.2.2	Demografi Ibu Bapa Berasaskan Jantina	181
4.2.3	Demografi Ibu Bapa Berasaskan Etnik	182
4.2.4	Demografi Ibu Bapa Berasaskan Pekerjaan	183
4.2.5	Demografi Ibu Bapa Berasaskan Agama	185
4.2.6	Demografi Ibu Bapa Berasaskan Bahasa	185
4.2.7	Demografi Ibu Bapa Berasaskan Pendapatan	186
4.2.8	Demografi Ibu Bapa Berasaskan Tempat Tinggal	187
4.2.9	Demografi Ibu Bapa Berasaskan Takat Pendidikan	188


4.2.10	Demografi Ibu Bapa Berasaskan Jumlah Kanak-Kanak	189
4.3	Hasil Analisis Kajian	190
4.3.1	Analisis Uji Kebolehpercayaan	190
4.3.2	Skor Pemboleh Ubah Kajian	192
4.4	Dapatan Kajian	194
4.4.1	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Demokratikal</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikut Jantina	195
4.4.2	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Autoritarian</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikut Jantina	203
4.4.3	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Permisif</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikut Jantina	206
4.4.4	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Demokratikal</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikut Takat Pendidikan Ibu Bapa	211
4.4.5	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Autoritarian</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikut Takat Pendidikan	218
4.4.6	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Permisif</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikut Takat Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa	223
4.4.7	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Demokratikal</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikut Takat Sosial Ekonomi Ibu Bapa	228
4.4.8	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Autoritarian</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikut Sosial Ekonomi Ibu Bapa	234
4.4.9	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Permisif</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikut Sosial Ekonomi Ibu bapa	238
4.4.10	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Demokratikal</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Berasaskan Persekitaran Tinggal	243
4.4.11	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Autoritarian</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikuti Persekitaran Tempat Tinggal	248
4.4.12	Sejauhmanakah Pola Asuhan <i>Permisif</i> Terhadap Pemerolehan Bahasa Mengikuti Persekitaran Tempat Tinggal	252
4.4.13	Hasil Semak Dan Pemerhatian Pertuturan Kanak-Kanak di Tadika Chandra Jaya Bandar Palembang	256
4.5	Pengujian Hipotesis	257
4.5.1	Tidak Terdapat Perbezaan Hubungan Yang Signifikan Antara Jenis Pola Asuhan Demokratikal, Autoritarian, Permisif dengan Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Fungsi Imaginasi, Maklumat, Heuristik, Personal, Interaksional, Peraturan dan Instrumental Secara Keseluruhan	258
4.5.2	Tidak Terdapat Perbezaan Hubungan Yang Signifikan Antara Jenis Pola Asuhan Demokratikal, Autoritarian dan Permisif Dengan Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Fungsi Imaginasi	260

4.5.3	Tidak Terdapat Perbezaan Hubungan Yang Signifikan Antara Jenis Pola Asuhan Demokratikal, Autoritarian, Permisif Dengan Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Fungsi Maklumat	261
4.5.4	Tidak Terdapat Perbezaan Hubungan Yang Signifikan Antara Jenis Pola Asuhan Demokratikal, Autoritarian, Permisif Dengan Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Fungsi Heuristik	262
4.5.5	Tidak Terdapat Perbezaan Hubungan Yang Signifikan Antara Jenis Pola Asuhan Demokratikal, Autoritarian, Permisif Dengan Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Fungsi Personal	263
4.5.6	Tidak Terdapat Perbezaan Hubungan Yang Signifikan Antara Jenis Pola Asuhan Demokratikal, Autoritarian, Permisif Dengan Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Fungsi Interaksional	264
4.5.7	Tidak Terdapat Perbezaan Hubungan Yang Signifikan Antara Jenis Pola Asuhan Demokratikal, Autoritarian, Permisif Dengan Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Fungsi Peraturan	265
4.5.8	Tidak Terdapat Perbezaan Hubungan Yang Signifikan Antara Jenis Pola Asuhan Demokratikal, Autoritarian, Permisif Dengan Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Fungsi Instrumental	266
4.5.9	Tidak Terdapat Perbezaan Hubungan Yang Signifikan Di Antara Tujuh Fungsi Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Fungsi <i>Imajinasi, Maklumat, Heuristik, Personal, Interaksional, Peraturan, Instrumental</i>	267
4.6	Rumusan	273

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	276
5.2	Rumusan Kajian	277
5.2.1	Pola Asuhan Demokratikal Terhadap Pemerolehan Bahasa	278
5.2.2	Pola Asuhan Autoritarian Terhadap Pemerolehan Bahasa	279
5.2.3	Pola Asuhan Permisif Terhadap Pemerolehan Bahasa	279
5.3	Perbincangan	280
5.3.1	Perbezaan Hubungan Jenis Pola Asuhan Secara Keseluruhan	280
5.3.2	Perbezaan Pola Asuhan Dengan Pemerolehan Bahasa Fungsi Imajinasi	284
5.3.3	Perbezaan Pola Asuhan Dengan Pemerolehan Bahasa Fungsi Maklumat	285
5.3.4	Perbezaan Pola Asuhan Dengan Pemerolehan Bahasa Fungsi Heuristik	286
5.3.5	Perbezaan Pola Asuhan Dengan Pemerolehan Bahasa Fungsi Personal	287

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
5.3.6	Perbezaan Pola Asuhan Dengan Pemerolehan Bahasa Fungsi Interaksional	289
5.3.7	Perbezaan Pola Asuhan Dengan Pemerolehan Bahasa Fungsi Peraturan	290
5.3.8	Perbezaan Pola Asuhan Dengan Pemerolehan Bahasa Fungsi Instrumental	292
5.3.9	Perhubungan Tujuh Fungsi Pemerolehan Bahasa Anak	293
5.4	Cadangan	294
5.5	Rumusan	296
RUJUKAN		297
LAMPIRAN 1		308
LAMPIRAN 2		325



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Kumpulan Item Konstruk Kajian	154
3.2	Skala Litkert Lima Mata Skala Jenis Pola Asuhan Ibu Bapa	158
3.3	Skala Litkert Lima Mata Pemerolehan Bahasa Anak	166
4.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	182
4.2	Taburan Demografi Ibu Bapa Berasaskan Etnik.	183
4.3	Taburan Demografi Ibu Bapa Berasaskan Jenis Pekerjaan	184
4.4	Taburan Responden Berasaskan Agama	159
4.5	Taburan Ibu Bapa Berasaskan Bahasa	185
4.6	Taburan Pendapatan Ibu Bapa	185
4.7	Taburan Ibu Bapa Berasaskan Tempat Tinggal	186
4.8	Taburan Ibu Bapa Berasaskan Takat Pendidikan	187
4.9	Taburan Berasaskan Jumlah Kanak-Kanak Responden	188
4.10	Analisis Ujian Kebolehpercayaan	189
4.11	Keputusan Ujian Kekerapan dan Min Pemboleh ubah	191
4.12	Min dan Sisihan Paiwai Pemboleh ubah	192
4.13	Kekerapan Pola Asuhan Demokratikal Jantian	194
4.14	Kekerapan Pola Asuhan Autoritarian Jantina	195
4.15	Kekerapan Pola suhan Permisif Jantian	203
4.16	Kekerapan Pola Asuhan Demokratikal Pendidikan Ib Bapa	207

4.17	Kekerapan Pola Asuhan Autoritarian Pendidikan Ibu Bapa	212
4.18	Kekerapan Pola Asuhan Permisif Pendidikan Ibu Bapa	219
4.19	Kekerapan Pola Asuhan Demokratikal Ekonomi Ibu Bapa	223
4.20	Kekerapan Pola Asuhan Autoritarian Ekonomi Ibu Bapa	228
4.21	Kekerapan Pola Asuhan Permisif Ekonomi Ibu Bapa	234
4.22	Kekerapan Pola Asuhan Demokratikal Tempat Tinggal	238
4.23	Kekerapan Pola Asuhan Autoritarian Tempat Tinggal	243
4.24	Kekerapan Pola Asuhan Permisif Tempat Tinggal	249
4.24	Senarai Indeks korelasi interpretasi	252
4.25	Analisis Perhubungan Pola Asuhan dan Pemerolehan Bahasa	257
4.26	Pola Asuhan dengan Pemerolehan Imajinasi	259
4.27	Pola Asuhan dengan Pemerolehan Maklumat	260
4.28	Pola Asuhan dengan Pemerolehan Heuristik	261
2.29	Pola Asuhan dengan Pemerolehan Personal	262
2.30	Pola Asuhan dengan Pemerolehan Interaksional	263
2.31	Pola Asuhan dengan Pemerolehan Peraturan	264
2.32	Pola Asuhan dengan Pemerolehan Instrumental	265
2.33	Hubungan Fungsi Pemerolehan dengan Fungsi Imajinasi	266
2.34	Hubungan Fungsi Pemerolehan dengan Fungsi Maklumat	268
2.35	Hubungan Fungsi Pemerolehan dengan Fungsi Heuristik	269
2.36	Hubungan Fungsi Pemerolehan dengan Fungsi Personal	270
2.37	Hubungan Fungsi Pemerolehan dengan Fungsi Interaksional	271
2.38	Hubungan Fungsi Pemerolehan dengan Fungsi Peraturan	272

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
2.1	Kerangka Konseptual Kajian	135
3.1	Reka Bentuk Kajian	145
4.1	Taburan Demografi Ibu Bapa Berasaskan Jantina	182
4.2	Taburan Demografi Ibu Bapa Berasaskan Etnik	183
4.3	Taburan Demografi Ibu Bapa Berasaskan Pekerjaan	184
4.4	Taburan Bahasa Ibu Bapa	185
4.5	Taburan Ibu Bapa Berasaskan Pendapatan	186
4.6	Taburan Demografi Ibu Bapa Berasaskan Tempat Tinggal	187
4.7	Taburan Ibu Bapa Berasaskan Takat Pendidikan	188
4.8	Taburan Jumlah Anggota Keluarga	189

SENARAI SINGKATAN

LAD Language Acquisition Development

IQ Intelegansi

YPAC Yayasan Pendidikan Anak Cacat



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pola asuhan ibu bapa dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Kajian ini berlandaskan teori Halliday dalam pemerolehan bahasa. Oleh itu, Bab ini menghuraikan tentang keadaan pemasalahan pendidikan dan bahasa kanak-kanak yang dilakukan secara khusus di bandar Palembang, Indonesia. Seterusnya perbincangan tentang pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konsep kajian, dan definisi operasi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Salah satu tugas dan tanggung jawab ibu bapa adalah memberikan kasih sayang, perhatian, pendidikan terbaik bagi kanak-kanak agar dapat berkembang dengan baik. Pendidikan prasekolah iaitu tadika kanak-kanak iaitu salah satu pendidikan yang harus diberikan ibu bapa selagi mampu. Salah satu tujuan kegiatan belajar anak di tadika kanak-kanak adalah untuk membantu meletakkan dasar ke arah perkembangan sikap, pengetahuan, kemahiran yang diperlukan anak untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan untuk perkembangan selanjutnya dengan kaedah belajar sambil bermain. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab membantu anak dalam melaksanakan tugas perkembangannya, kerana tugas-tugas perkembangan anak berpengaruh terhadap pembentukan keperibadian seorang di masa yang akan datang. Interaksi antara ibu bapa dan anak dalam keluarga melalui pola asuhan yang baik merupakan langkah pertama yang tepat bagi anak dalam kehidupan masa hadapan. Oleh itu, setiap ibu bapa perlu memahami tugas dan fungsinya dalam menyokong mengembangkan potensi diri yang dimiliki anak.

Menurut Vincent Agus Sriyanto (2003) peranan keluarga boleh ditafsir sebagai pemandu dalam mendidik, mengasuh, menanamkan dan menentukan nilai keperibadian ahli keluarga. Gaya pola asuhan yang diterapkan keluarga akan menunjukkan watak anak di masa selanjutnya (Herlina, 2013). Interaksi dalam keluarga diantara ibu bapa dan anak akan menjadi harmoni jikalau di sampaikan dengan bahasa yang sopan. Secara umum bahasa sangat universal, melalui bahasa

anak dapat mendedahkan perasaan, keinginan, pendapat serta pokok fikiran kepada orang lain walaupun dengan bahasa yang amat sederhana. Menurut Prasetya (2003) kualiti peranan keluarga turut menyokong pertumbuhan dan perkembangan kebolehan anak, salah satunya adalah interaksi ibu bapa dengan anak yang disebut pola asuhan. Sikap atau pola asuhan yang diberikan ibu bapa kepada anak sangat mempengaruhi peribadi dan kesanggupan berbahasa anak dimasa hadapan. Menurut Meity Idris (2013) pola asuhan iaitu suatu proses yang dilakukan ibu bapa untuk mendidik, membimbing, mendisiplinkan, serta melindungi anak untuk mencapai kematangan dengan norma-norma yang ada dalam masyarakat.

Robert Havigurst dalam (Hurlock, 1991) berpendapat bahawa ada lima tugas perkembangan anak usia tiga tahun pertama, yang terhad: (i) menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial selepas keluar dari kandungan ibunya, (ii) belajar untuk berjalan, bercakap, menerima makan dan minum untuk dapat mempertahankan hidupnya, (iii) belajar untuk mengembangkan kemahiran motor kasar seperti telungkup, merangkak, berjalan, (iv) belajar membangunkan kestabilan psikologikal seperti konsep diri, harga diri, kepercayaan asas (*basic trust*) terhadap keluarga, (v) belajar untuk mengembangkan kemahiran sosial, berkomunikasi dan berinteraksi dengan persekitaran sosial terutama ibu bapa, saudara atau kerabat yang lain.

Interaksi yang terjalin antara ibu bapa dan kanak-kanak selama di rumah memberikan pengaruh, terhadap perkembangan bahasa dan prestasi yang akan dapat ditunjukkan anak saat mereka di sekolah. Ibu bapa yang aktif mempelawa anak

bercakap mulai dari hal yang kecil seperti, melapazkan salam, berdoa sebelum makan, hingga rajin mempelawa anak berceritera aktivitiinya selama di sekolah, akan membantu memudahkan anak dalam berinteraksi dan berkomunikasi dengan guru, sehingga saat belajar di sekolah kanak-kanak tidak mengalami kesulitan berkomunikasi.

Menurut Muray dalam (Kumara, 2000) kenyataan memperlihatkan bahawa darjah intensiti ibu bapa bercakap dengan kanak-kanaknya semasa prasekolah merupakan determinan yang sangat kuat terhadap prestasi akademik anak di masa hadapan. Oleh itu, tugas ibu bapa dalam mendidik dan menyokong kebolehan berbahasa anak harus maksimal, sehingga anak dalam berbahasa dengan sopan kepada sesiapa saja khasnya kepada orang yang lebih tua. Hal ini amat penting untuk dimiliki bagi diri anak sejak dalam persekitaran keluarga supaya anak boleh menghindari dari aktiviti berbahasa yang tidak sopan. Kenyataan daripada ramainya kanak-kanak mempergunakan bahasa yang tidak sesuai dengan umurnya atau bertutur kata tidak sopan sekarang ini, jelas membagi suatu persoalan yang menyulitkan kepada ibu bapa. Perhatian kepada kanak-kanak akan memberikan kenangan yang sangat positif kepada anak.

Chapman (2003) berpendapat bahawa kasih sayang ibu bapa kepada anak merupakan perkara yang penting, kerana akan sangat mempengaruhi anak dan membuat kanak-kanak mengetahui dan merasakan bahawa anak telah mendapati kasih sayang dari ibu bapanya. Ini bermakna bahawa melalui penjagaan dengan penuh

kasih sayang, dan memberikan penjagaan sejak mula yang baik kepada anak-anak dalam keluarga adalah amat penting. Perkembangan bahasa anak prasekolah masa tadika, kanak-kanak akan membantu memaksimumkan ciri-ciri dan keperibadian anak terhadap kepada perkembangan bahasa anak. Di persekitaran tadika kanak-kanak anak akan mengembangkan bahasa sebagai alat komunikasi dengan rakan sebaya dan persekitaran baru. Persekitaran sekolah anak berusaha untuk boleh mengenal orang lain yang memiliki bermacam-macam adat, budaya dan pola asuhan yang berbeza-beza. Kesederhanaan bahasa anak dalam interaksi inilah yang pada akhirnya akan tercipta pemerolehan bahasa. Keluarga merupakan institusi pendidikan pertama dan utama sebelum anak mendapat pendidikan di institusi lain.

Kejayaan anak dalam hubungan sosialnya bergantung perlakuan ibu bapa dalam mengasuh kanak-kanaknya sejak dalam persekitaran keluarga. Pada umumnya perlakuan ibu bapa diungkapkan dalam bentuk merawat, memelihara, menyayangi, mengajar, dan membimbing anak hingga menjadi anak yang mandiri. Hal ini dilakukan ibu bapa di dunia kerana mereka beranggapan bahawa anak adalah harapan sekaligus kebanggaan baik secara perseorangan atau pun untuk mendapat pengiktirafan sosial dari persekitarannya.

Menurut Agoes Dariyo (2004) ibu bapa mempunyai peranan besar bagi pembentukan dan perkembangan moral seorang anak. Pendidikan yang di terima sejak masa kanak-kanak akan mempengaruhi pola pikir dan perilaku anak sampai remaja. Ibu bapa yang selalu mendidik dan membimbing anak kepada keperihalan

yang positif, bertutur kata yang sopan melalui contoh aktivitas sehari-hari akan membentuk anak mempunyai personaliti anak yang baik. Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (2007) pola asuhan terdiri dari dua kata yaitu pola dan asuh. Kata pola bermakna corak, model, sistem, cara kerja, bentuk (struktur) yang tetap sedangkan kata asuh dapat berarti menjaga (merawat dan mendidik) anak kecil, membimbing (membantu; melatih dan sebagainya), dan memimpin (mengetuai dan mengerjakan) satu perbadanan atau institusi. Pola asuhan ibu bapa dalam keluarga memerlukan alat komunikasi yaitu bahasa.

Bahasa merupakan alat komunikasi yang universal/ menyeluruh, artinya hampir tidak ada seorang manusia di dunia yang tidak mampu berkomunikasi melalui bahasa, termasuk kanak-kanak (Koentjaraningrat, 1997). Pemerolehan bahasa oleh kanak-kanak merupakan salah satu pencapaian manusia yang luar biasa dan menakjubkan. Pemerolehan bahasa mempunyai suatu permulaan yang tiba-tiba, dan mendadak. Kemerdekaan bahasa mulai sekitar usia satu tahun di saat kanak-kanak mula menggunakan kata-kata lepas atau kata-kata terpisah dari laluan linguistik untuk mencapai aneka tujuan sosial mereka (Tarigan, 1988).

Menurut Purnomo (2002) pemerolehan bahasa pertama pada kanak-kanak terjadi tanpa ada yang mengajar atau melatih secara sengaja. Di huraikan pula bahawa mulanya anak hanya mendengar ujaran yang dikemukakan oleh orang-orang di persekitarannya, baik yang diperuntukkan kepadanya mahupun tidak. Dari apa yang didengarnya itu, kanak-kanak mencuba mengeluarkan ujaran mulai dari satu kata, dua

U kata, dan akhirnya boleh mengucapkan ayat seperti yang diguna orang dewasa untuk berkomunikasi dengan masyarakat pemakai bahasa sasaran (bahasa yang sedang dipelajari oleh anak). Menurut Abdul Chear (2003) pemerolehan bahasa atau peralihan adalah proses yang berlangsung di dalam otak seseorang kanak-kanak ketika dia memperoleh bahasa pertadikaya atau bahasa ibu. Dalam hal ini ada dua proses yang terjadi ketika seseorang kanak-kanak sedang memperoleh bahasa pertadikaya iaitu proses kompetensi dan proses performansi. Lebih lanjut Abdul Chear (2003) menjelaskan bahawa kompetensi adalah proses pengukuhan tata bahasa yang berlangsung secara tidak disedari. Proses kompetensi ini menjadi syarat untuk terjadinya proses performansi yang terdiri dari dua buah proses, iaitu (i) proses pemahaman, (ii) proses penerbitan atau proses penghasilan ayat-ayat.

Komunikasi diantara ibu bapa dengan anak memerlukan masa yang berkualiti yang mempunyai erti bahawa ibu bapa juga perlu mengasihi dan memperhatikan anaknya dengan baik. Penghargaan yang diberikan ibu bapa kepada anak merupakan suatu kebahagiaan bagi anak, sekali pun hanya satu patah kata. Menurut Gracia dalam (Tarigan, 2011) pemerolehan bahasa kanak-kanak boleh di cakap memiliki ciri-ciri berlanjutan, memiliki suatu kesatuan berangkai, yang bergerak dari berucap satu kata sederhana menuju gabungan kata-kata yang lebih rumit (*sintaksis*). Jika anggapan bahawa faedah fungsional tangisan sebagai mula dari kompetensi komunikatif, maka ucapan-ucapan kata-tanggal yang biasanya sangat bersifat *idiosintraktikal* atau sangat aneh misalnya (mama untuk menyatakan makan) menandai takat pertama (yang boleh dan mudah di bezakan) perkembangan bahasa rasmi. Bergerak ke arah takat yang

melebihi takat mula ini, sang anak menghadapi tugas-tugas perkembangan yang berhubungkait dengan fonologikal, morfologikal, sintaksis, dan semantikal.

Berbicara tentang pemerolehan bahasa, pada asasnya semua anak mempelajari minimum satu bahasa, hal ini membuat sejumlah penyelidik linguistik percaya bahawa kemampuan belajar bahasa minimum sebahagian berhubungkait dengan program genetik, iaitu khas bagi ras atau rumpun manusia. Kanak-kanak memperlihatkan suatu keragaman atau uniformiti dalam perkembangan linguistik mereka yang melalui sejumlah takat pada usia-usia yang dapat diduga, dan urutan tempat mereka memperolehi beraneka ragam struktur dan fungsi bahasa (Tarigan, 2011). Lebih lanjut dijelaskan bahawa berdasarkan bentuk ragam pemerolehan bahasa terbahagi menjadi tiga, iaitu (i) pemerolehan bahasa pertama atau *first language acquisition*, (ii) pemerolehan bahasa kedua/*second language acquisition* dan (iii) pemerolehan balik semula atau *re-acquisition*.

Berdasarkan kuantitinya pemerolehan bahasa terdiri daripada (i) pemerolehan satu bahasa atau *monolingual acquisition*, (ii) pemerolehan dua bahasa atau *bilingual acquisition* (Eugene E Gracia, 1983). Landasan atau asas kognitif pemerolehan bahasa boleh dilihat dalam tiga hal, iaitu (i) perkembangan semantik kanak, (ii) perkembangan sintaksis permulaan yang merupakan pertuturan atau ujaran gabungan permulaan, (iii) penggunaan aktif sang anak akan sejenis siasat belajar. Di huraikan pula bahawa dengan mencermati secara sistematikal perilaku bahasa kanak-kanak maka dengan mudah mengenali serta memberikan beberapa siasat atau strategi

kognitif yang seolah-olah diguna oleh kanak-kanak pada saat mereka berfikir atau mengekalkan bagaimana suatu bahasa bekerja atau berproses (Judith Wells Lindfors,1987).

Jenis-jenis urutan perkembangan pemerolehan bahasa terbahagi menjadi tiga bahagian iaitu (i) perkembangan prasekolah; pada masa perkembangan prasekolah ini terjadi takat perkembangan pralinguistik, tahap satu kata dan ujaran kombinatorikal permulaan, (ii) perkembangan ujaran kombinatorikal; pada tahap perkembangan ini anak mengalami perkembangan ayat, sistem bunyi serta bentuk ayat seperti bertanya, menyangkal, (iii) perkembangan masa sekolah; pada masa perkembangan ini anak telah memulakan interaksi sosial, anak mengguna bahasa sebagai suatu cara untuk mengenal persekitarannya, dan setiap bahasa anak mencerminkan keperibadiannya. Pada perkembangan masa sekolah, anak belajar untuk menyambung beraneka makna dengan ekspresi bahasa yang dituturkan (Tarigan, 2011). Seorang anak akan membina kemampuan *social skill* dengan orang lain. Penguasaan kemahiran *social skill* dalam persekitaran sosial berpunca dengan penguasaan kemampuan berbahasa.

Seorang anak akan lebih mudah menjalin interaksi sosial dengan orang lain, jika anak sudah mempunyai kemampuan berbahasa dengan baik. Anak yang sejak mula aktif diajak berbicara oleh ibu bapa akan memperkayai dan meningkatkan kemampuan kognitif, memory, kecerdasan, imaginasi, dan kreativiti bahasa (Agus Dariyo, 2007). Perkembangan bahasa anak masa sekolah akan lebih tinggi jika sejak mula ibu bapa menyokong anak untuk boleh mendapati pendidikan rendah yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

U
N IDRIS U
N IDRIS U
N IDRIS U
N IDRIS

baik. Di dalam pasal 12 Undang-Undang Negara Republik Indonesia nomor 2 tahun 1989 tentang sistem pendidikan nasional, disenaraikan bahawa selain pendidikan rendah, pendidikan menengah, dan pendidikan tinggi, juga terdapat pendidikan prasekolah. Menurut Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nombor 27 tahun 1990 tentang pendidikan prasekolah, tujuan pendidikan prasekolah iaitu untuk meletakkan asas perkembangan sikap, pengetahuan, kemahiran, dan daya cipta anak didik di dalam menyesuaikan dirinya dengan persekitarannya.

Pendidikan prasekolah juga membantu untuk pertumbuhan dan perkembangan jasmaniah dan rohaniah anak didik, di luar persekitaran keluarga sebelum memasuki pusat pendidikan di sekolah. Kanak-kanak memerlukan alat komunikasi untuk kelancaran proses pendidikan di masa prasekolah iaitu bahasa. Fungsi bahasa sebagai alat komunikasi dalam pendidikan prasekolah setiap saat akan mengalami perubahan dan perkembangan secara dinamik. Masa kanak - kanak pertama, iaitu usia anak 3 tahun hingga 6 tahun, di sebut dengan masa prasekolah di mana konsep aktiviti belajar sambil bermain. Menurut Soemiarti Patmonodewa (2003) murid tadika kanak-kanak yang berusia dari 3 hingga 6 tahun biasanya telah mampu mengembangkan kemahiran berbicara melalui perbualan mudah yang boleh memikat orang lain.

Tanpa pembangunan bahasa, murid tadika kanak-kanak akan sukar untuk menerima materi pelajaran yang diberikan guru termasuk dalam menyampaikan bahasa dengan persekitaran. Kemampuan berbahasa anak melalui aktiviti bermain ditadika kanak-kanak amatlah penting bagi pertumbuhan dan perkembangannya.

Bahasa lazimnya diguna anak melalui berbagai cara seperti bernyanyi, bertanya, atau temubual/ berdialog. Perkembangan himpunan kosa kata seorang anak akan terus bertambah seiringan dengan aktiviti selama bersekolah di institusi pendidikan formal seperti tadika kanak-kanak. Zulkifli (2001) menjelaskan bahawa anak mempunyai kesanggupan untuk menyatakan apa yang terkandung dalam fikirannya dengan suara dan potensi ini mempunyai kemungkinan untuk berkembang.

Lebih lanjut Zulkifli (2001) menyatakan bahawa untuk mencapai tujuan perbincangan ditandai dengan adanya isyarat, gerak-gerik, gerak muka, dan penekanan suara. Bagi anak bahasa berfungsi sebagai alat untuk (i) menyatakan ekspresif, (ii) mempengaruhi orang lain, (iii) memberi nama. Hal ini mengisyaratkan bahawa bahasa berfungsi sebagai alat penghubung sosial yang sangat di perlukan setiap manusia dalam pergaulan, untuk mendekatkan hubungan seseorang dengan orang lain, termasuk juga bagi kanak-kanak. Pada asasnya kanak-kanak tertarik melakukan hubungan bahasa dengan tujuan mengembangkan bahasa sebagai alat berinteraksi. Anak belajar bahasa dari interaksi sosial, anak selalu membuka diri dalam aktiviti pemerolehan bahasa walau pun masih sederhana (Eci Gunadi Putri, 2012).

Proses pemerolehan bahasa kanak-kanak akan lebih berkembang oleh bahasa dipersekitaran tempat anak tinggal. Perkembangan kemampuan bahasa anak akan berkembang secara maksimum melalui proses interaksi dan hubungan dengan keluarga, persekitaran, rakan sebaya termasuk persekitaran sekolah seperti tadika